

**MASYARAKAT IBAN DAN ALAM SEKITAR  
DALAM FIKSYEN TERPILIH JONG CHIAN LAI:  
SATU KIRTIKAN KEADILAN EKOLOGI**

**oleh**

**HU ANN LEH**

**Tesis diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah Sastera**

**Februari 2016**

## **PENGHARGAAN**

Syukur kepada Tuhan Yang Maha Kuasa kerana atas kasih-Nya, maka penulisan tesis ini dapat disiapkan. Walaupun dalam tempoh menyiapkan tesis ini, pengkaji telah kehilangan ayahanda dan kakanda yang tercinta, namun Tuhan sesungguhnya memberi kekuatan yang luar biasa.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah penyelia, Profesor Dato' Seri Dr. Md. Salleh Bin Yaapar dan Profesor Madya Dr. Rahimah Binti Haji A. Hamid serta semua pensyarah Unit Kesusasteraan Melayu dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang atas segala bimbingan dan tunjuk ajar. Penghargaan khas ditujukan kepada Profesor Dr. Sohaimi Abdul Aziz yang membantu dalam membuat semakan terakhir tesis ini.

Berbanyak-banyak terima kasih kepada Encik Jong Chian Lai, sasterawan Cina Hakka yang juga satu-satunya sasterawan dari Sarawak setakat ini yang pernah memenangi anugerah S.E.A. Write Award. Terima kasih atas kemurahan hati beliau meminjamkan beberapa karya yang menjadi teks kajian dan juga atas informasi yang diberikan.

Penghargaan yang tidak terkira juga ditujukan kepada para informan dalam melengkapkan kajian ini. Ucapan terima kasih untuk Dr. Robert Menua Saleh, Dr. Anna Durin, Puan Evelyn Batik Anak Bidin, Encik Jenggie Bin Dahlan dan keluarga, Encik Janggau Anak Jabing, Encik Nyalong Anak Sauh, Puan Malaya Anak Dayong, dan Puan Guning Anak Mujih. Sekalung penghargaan juga buat para penghuni Rumah Bajing, Rumah Jalong, Rumah Lungey, Rumah Bennet Jumat, Rumah Ambok, dan Rumah Manja di Tatau, Bintulu serta penghuni Rumah Lawin,

Nanga Mepi, Lubok Antu, Sri Aman, dan penghuni Rumah Adal, Nanga Tiga, Betong, Sarawak.

Tidak dilupakan, keluarga tercinta yang menjadi tulang belakang dalam perjuangan ini. Kasih dan sokongan moral yang tidak terkira menjadikan perjuangan ini berjaya membawa hasil.

Akhir sekali, sekalung ingatan buat ‘rama-rama’ yang memberi makna bagi sebuah perjuangan. Pertemuan itu bukan suatu kebetulan tetapi takdir Tuhan yang mencorakkan kehidupan ini dengan warna-warni kedewasaan dan keimanan. Pada akhirnya, kutemui Cinta yang sejati.

*Mintalah, maka akan diberikan kepadamu;  
Carilah, maka kamu akan mendapat;  
Ketuklah, maka pintu akan dibukakan bagimu.*

## **SENARAI KANDUNGAN**

Muka Surat

<b>Penghargaan</b>	ii
<b>Senarai Kandungan</b>	iv
<b>Senarai Rajah</b>	ix
<b>Abstrak</b>	x
<b>Abstract</b>	xii

## **BAB SATU – PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Batasan Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Kaedah Kajian	12
1.7 Kerangka Konseptual dan Teoritikal	13
1.7.1 Kritikan Eko	21
1.7.2 Kritikan Keadilan Ekologi	24
1.8 Tinjauan Kajian yang Lepas	28
1.9 Organisasi Tesis	35

## **BAB DUA – MASYARAKAT IBAN DI SARAWAK: KOSMOLOGI, SISTEM KEPERCAYAAN DAN AMALAN KEHIDUPAN**

2.1 Pengenalan	37
2.2 Kosmologi Menurut Pandangan Masyarakat Iban	39

2.3 Agama dan Sistem Kepercayaan Masyarakat Iban	41
2.3.1       Kepercayaan kepada <i>petara</i> (dewa) dan <i>samengat</i> (roh)	45
2.3.1.1 <i>Petara</i>	45
2.3.1.2 <i>Orangpanggau</i>	49
2.3.1.3 <i>Samengat</i> dan <i>antu</i>	50
2.3.2       Individu penting dalam tradisi masyarakat Iban	53
2.3.2.1 <i>Tuai burong</i>	53
2.3.2.2 <i>Tuai rumah</i>	54
2.3.2.3 <i>Lemambah</i>	55
2.3.2.4 <i>Manang</i>	55
2.3.2.5 <i>Tukang sabak</i>	56
2.3.3       Ramalan	57
2.3.3.1    Burung petanda	57
2.3.3.2    Petanda lain yang diberi oleh <i>petara</i>	59
2.3.3.3    Petanda yang dicari oleh masyarakat Iban	60
2.3.4       Ritual	61
2.3.4.1    Ritual pelanggaran adat	62
2.3.4.2    Ritual memohon pertolongan <i>petara</i>	63
2.3.4.3 <i>Sampi</i>	64
2.4 Sistem Sosial Masyarakat Iban	65
2.4.1       Petempatan dan organisasi sosial	65
2.4.2       Penerokaan tanah	69
2.4.3       Penanaman padi bukit	69
2.4.4       Sikap dan pemikiran masyarakat Iban	74
2.4.5 <i>Adat</i>	75

2.4.6	<i>Gawai</i> atau perayaan	80
2.5	Penutup	83

## **BAB TIGA: KRITIKAN KEADILAN EKOLOGI**

3.1	Pengenalan	85
3.2	Teori Keadilan Ekologi	86
3.3	Aspek Terminologi dalam Teori Keadilan Ekologi	89
3.3.1	Keadilan ekologi	89
3.3.2	Ejen moral	91
3.3.3	Status moral	92
3.3.4	Organisma berdaya rasa	94
3.3.5	Organisma tidak berdaya rasa	94
3.4	Matlamat Teori Keadilan Ekologi	96
3.5	Prinsip Pelaksanaan Keadilan Ekologi	98
3.6	Isu dan Cabaran dalam Pelaksanaan Keadilan Ekologi	104
3.7	Pengurusan Pemuliharaan	107
3.7.1	Peranan pihak yang berkepentingan atau pemilik tanah	108
3.7.2	Peranan media massa dan pendidikan	109
3.7.3	Peranan kerajaan	110
3.7.4	Peranan institusi pemuliharaan alam sekitar di peringkat global	111
3.8	Langkah bagi Menjamin Kejayaan Aktiviti Pemuliharaan	111
3.9	Kaitan Teori Keadilan Ekologi dengan Sastera	113
3.10	Penutup	114

**BAB EMPAT – ANALISIS KARYA KREATIF JONG CHIAN LAI DARI  
ASPEK ALAM FAUNA**

4.1 Pengenalan	118
4.2 Kepentingan Fauna dalam Kehidupan Masyarakat Iban	118
4.2.1    Haiwan sebagai sumber makanan	119
4.2.2    Haiwan memberi nilai ekonomi	121
4.2.3    Haiwan memberi petunjuk daripada <i>petara</i>	123
4.2.4    Haiwan sebagai teman baik	126
4.3 Ancaman Aktiviti Manusia terhadap Fauna	133
4.3.1    Aktiviti perburuan	133
4.3.2    Pembinaan empangan hidroelektrik	140
4.3.3    Pembalakan	144
4.4 Keadilan untuk Alam Fauna	147
4.4.1    Perbandingan haiwan dengan sifat manusia	148
4.4.2    Pembelaan untuk haiwan	160
4.4.3    Pembalasan atas kekejaman dan perbuatan memperolok-lokkan haiwan	170
4.4.4    Hubungan mutualisme antara manusia dan haiwan	184
4.4.5    Peranan kerajaan	190
4.4.6    Haiwan sebagai watak penting dalam karya	193
4.5 Penutup	195

**BAB LIMA – ANALISIS KARYA KREATIF JONG CHIAN LAI DARI  
ASPEK ALAM FLORA**

5.1 Pengenalan	197
5.2 Kepentingan Flora dalam Kehidupan Masyarakat Iban	199
5.2.1 Sumber makanan	200
5.2.2 Sumber bahan untuk membuat peralatan	203
5.2.3 Sumber perubatan	205
5.2.4 Tumbuhan dalam kepercayaan dan ritual masyarakat Iban	209
5.3 Ancaman Aktiviti Manusia terhadap Flora	215
5.3.1 Pembalakan	216
5.3.2 Pembinaan empangan hidroelektrik	223
5.4 Keadilan untuk Alam Flora	225
5.5 Penutup	252
 <b>BAB ENAM – KESIMPULAN</b>	255
 <b>BIBLIOGRAFI</b>	265
 <b>LAMPIRAN-LAMPIRAN</b>	

## **SENARAI RAJAH**

Muka Surat

Rajah 2.1	Kedudukan manusia Iban dalam hierarki	53
Rajah 6.1	Hubungan antara masyarakat Iban dengan Tuhan dan alam sekitar	256
Rajah 6.2	Hubungan antara alam sekitar, kepercayaan masyarakat Iban dan keadilan ekologi	262

## **MASYARAKAT IBAN DAN ALAM SEKITAR DALAM FIKSYEN**

### **TERPILIH JONG CHIAN LAI: SATU KRITIKAN KEADILAN EKOLOGI**

#### **ABSTRAK**

Jong Chian Lai merupakan pengarang Sarawak yang banyak memperkatakan isu alam sekitar khususnya dalam konteks keadilan ekologi yang mementingkan kesejahteraan manusia dan alam sekitarnya. Wujud hubungan erat antara keadilan ekologi dengan kepercayaan masyarakat tempatan kerana kepercayaan masyarakat sebenarnya mempengaruhi cara mereka bertindak ke atas alam sekitar. Walau bagaimanapun, aspek ini belum diselidiki dalam novel dan cerpen Jong Chian Lai. Justeru itu, lompong ini akan dipenuhi oleh kajian ini. Sehubungan itu, kajian ini telah menetapkan tiga objektif yang ingin dicapai, iaitu (1) menganalisis corak hubungan masyarakat Iban di Sarawak dengan alam sekitar berdasarkan konteks sistem kepercayaan masyarakat Iban seperti yang terpancar dalam karya Jong Chian Lai; (2) meneliti konflik antara tuntutan kelangsungan hidup dan pembangunan dengan pemeliharaan tradisi Iban; dan (3) meneliti dan menilai cara pengarang menggunakan bahasa untuk menampilkan alam sekitar dan hubungannya dengan masyarakat Iban. Kajian ini menggunakan teori keadilan ekologi yang dipelopori oleh Brian Baxter. Kajian ini mendapati isu alam sekitar yang berkaitan pembalakan dan pembinaan empangan hidro memerlukan keadilan ekologi demi kesejahteraan manusia dan organisma yang lain; dan keadilan ekologi yang dibincangkan dalam kajian ini bersandar kepada kepercayaan masyarakat Iban terhadap dewa dan semangat. Selain itu, novel dan cerpen yang dikaji menunjukkan Jong Chian Lai menggunakan gaya bahasa yang berkesan dalam menyampaikan mesejnya kepada pembaca. Hasil kajian ini adalah penting untuk memupuk kesedaran dan sikap

prihatin masyarakat terhadap isu alam sekitar, mendedahkan budaya dan cara hidup masyarakat Iban di Sarawak, dan menunjukkan hubung kait erat antara masyarakat Iban dan alam sekitar.

# **THE IBAN COMMUNITY AND ENVIRONMENT IN JONG CHIAN LAI'S SELECTED FICTIONS: A CRITIQUE OF ECOLOGICAL JUSTICE**

## **ABSTRACT**

Jong Chian Lai is a Sarawak author who discusses numerous environmental issues, particularly in the context of ecological justice which consider the human welfare and environment as important. There is a strong relationship between the ecological justice and the belief of the local people as the belief actually influences the way they act towards the environment. However, this aspect has not yet been studied on Jong Chian Lai's novels and short stories. Hence, the void will be filled by this study. Therefore, this study has set three objectives to be achieved, namely (1) to analyze the relationship of the Iban in Sarawak with the environment based on the Iban community's belief system as reflected in the works of Jong Chian Lai; (2) to look into the conflict between the claims on survival and development with the preservation of the Iban tradition; and (3) to examine and evaluate how the author uses language to portray the environment and its relationship with the Iban. This study uses the ecological justice theory which is pioneered by Brian Baxter. This study finds out that the environmental issues relating to logging and construction of hydroelectric dams need ecological justice for the sake of human and other organisms welfare. The ecological justice which is discussed in this study is based on the Iban belief of gods and spirits. Furthermore, the novels and short stories which have been studied show that Jong Chian Lai uses an effective writing style in conveying the message to the readers. The result of this study is important to promote public awareness and concern about environmental issues, revealing the

culture and way of life of the Iban in Sarawak, and to show the firm relationship between the Iban and their environment.

## BAB SATU: PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Karya sastera oleh Jong Chian Lai banyak menonjolkan hubungan akrab masyarakat Iban di Sarawak dengan alam sekitar. Masyarakat Iban ialah suku peribumi terbesar di Sarawak. Secara tradisi, kehidupan mereka banyak dipengaruhi oleh alam sekitar. Jong Chian Lai selaku sasterawan negeri Sarawak banyak sekali mendedahkan isu pembalakan dan pembinaan empangan hidroelektrik yang mengancam alam sekitar dan juga kehidupan masyarakat Iban.

Sarawak<sup>1</sup> ialah negeri terbesar di Malaysia dan dengan keluasan hutan hujan tropika yang paling besar. Menurut Helen Oon (2008: 60), Sarawak mempunyai warisan yang kaya dengan kepelbagaiannya alam semula jadi dan biologi untuk menyaingi mana-mana rizab alam semula jadi di dunia dan menjadikannya kawasan yang utama bagi flora dan fauna endemik. Malangnya, hutan hujan di Sarawak tidak dapat bertahan daripada perkosaan oleh aktiviti manusia terutamanya pembalakan dan pembinaan empangan hidroelektrik sehingga banyak kawasan hutan yang telah terganggu dan musnah.

Pembalakan<sup>2</sup> secara berleluasa di Sarawak dan polisi perhutanan Sarawak yang agak longgar telah mendapat perhatian dan kritikan antarabangsa sejak tahun

---

<sup>1</sup> Pada awalnya pentadbiran di Sarawak terbahagi kepada lima buah Bahagian iaitu Kuching, Simanggang, Sibu, Miri dan Limbang pada tahun 1873 ketika pemerintahan James Brooke di Sarawak. Bahagian Sarikei dan Bahagian Kapit dibentuk pada tahun 1973. Bahagian yang kelapan dan kesembilan iaitu Samarahan dan Bintulu pula dibentuk pada tahun 1987 manakala Mukah dan Betong pula menjadi Bahagian yang kesepuluh dan kesebelas pada tahun 2002 menjadikannya ada 11 buah Bahagian dalam pentadbiran Sarawak.

<sup>2</sup> Pembalakan merupakan kegiatan ekonomi yang memberikan hasil yang lumayan kepada negeri Sarawak. Syarikat-syarikat pembalakan di Sarawak didominasi oleh etnik Cina. *Sarawak Timber Association* yang telah ditubuhkan sejak 1971 dimonopoli oleh etnik Cina. Michael B. Leigh (1964: 4) menyatakan bahawa daripada 78 buah kilang papan yang beroperasi pada ketika itu, hanya sebuah yang dimiliki oleh etnik peribumi, tujuh buah lagi dimiliki orang Eropah manakala yang lain semuanya dimiliki oleh orang Cina.

1987. Pelbagai kerajaan luar negeri dan pertubuhan antarabangsa telah menyatakan protes terhadap peningkatan pengeluaran kayu balak<sup>3</sup> dari Sarawak yang begitu rancak. Sebahagian besar hutan hujan Sarawak juga terkorban akibat aktiviti pembinaan empangan hidroelektrik. Pada tahun 2008, kerajaan Sarawak bercadang untuk membina 12 empangan di Sarawak untuk memenuhi keperluan tenaga perindustrian pada masa hadapan. Empangan-empangan tersebut dijadualkan siap pada tahun 2020 walaupun projek tersebut perlu diluluskan terlebih dahulu melalui penilaian impak alam sekitar.

Ironinya, negeri Sarawak terus kehilangan kawasan hutan hujan tropikanya sekalipun *Borneo Rainforest World Music Festival* atau dalam bahasa Melayunya, Festival Muzik Dunia Hutan Hujan Borneo menyaksikan negeri Sarawak menjadi pengajur acara besar ini pada setiap tahun. Bertempat di Kampung Budaya Sarawak dengan lanskap hutan hujan, pemuzik peribumi dari serata dunia seolah-olah dikaburi mata oleh sesuatu yang tidak menggambarkan hutan hujan di negeri Sarawak secara keseluruhan dan tepat.

Isu terbesar yang pernah timbul berkenaan hutan hujan Sarawak sehingga mendapat liputan antarabangsa ialah pembalakan. Bruno Manser, seorang warga Switzerland yang pernah beberapa kali datang ke Sarawak dipercayai menjadi penghasut sehingga masyarakat Penan membina benteng manusia bagi menghalang aktiviti pembalakan di Sarawak. Selain itu, juga ada tindakan oleh masyarakat Penan melalui undang-undang dan mahkamah. Isu berkenaan pembalakan dan kaum Penan yang dibangkitkan oleh Bruno Manser pada tahun 1980-an telah mendapat liputan meluas oleh media antarabangsa, kerajaan-kerajaan asing, badan bukan kerajaan, dan persatuan antikayu tropika. Malaysia dikecam daripada pelbagai sudut dan negara

---

<sup>3</sup> Menurut Jomo K.S. (1994: 198), kayu balak ialah sumber pendapatan eksport Malaysia yang kedua besar selepas petroleum sejak awal 1980-an.

luar bertindak tidak membeli kayu tropika. Walau bagaimanapun, Dr. Mahathir Mohamad iaitu Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu berjaya menjawab semua persoalan tentang etnik Penan dan isu hutan tropika.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Karya sastera hasil pena Jong Chian Lai banyak memaparkan unsur alam termasuklah isu pembalakan yang terungkap dalam novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga, Suara dari Rimba*, dan cerpen “Semanjau Tapan”. Isu pembinaan empangan hidroelektrik pula terungkap dalam novel *Pindah* dan cerpen “Pindah” serta “Bukan Kebebasan”. Jong Chian Lai juga banyak memaparkan unsur budaya masyarakat setempat. Alam sememangnya mencorakkan cara hidup dan budaya masyarakat, manakala budaya yang menjadi darah daging manusialah yang akan menentukan *survival* atau kelangsungan alam semula jadi. Justeru itu, ada kewajaran cerpen dan novel Jong Chian Lai dikaji dari segi keadilan ekologi iaitu memperlihatkan hubungan manusia dengan alam dalam usaha mempertahankan alam sekitar. Hal ini adalah selaras dengan pandangan tentang salah satu fungsi karya sastera iaitu sebagai cerminan kehidupan.

Tulisan tentang Jong Chian Lai agak banyak tetapi kajian yang telah dilakukan lebih kepada latar belakang penulisan dan kritikan terhadap beberapa buah karya beliau yang lebih menonjol seperti novel *Pemberontakan*, dan *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga*. Namun begitu, pengkaji mendapati bahawa belum ada kajian terhadap hubungan manusia dan alam sekitar daripada aspek keadilan ekologi seperti yang dipaparkan oleh Jong Chian Lai dalam karya kreatif beliau.

Kehebatan karya-karya Jong Chian Lai belum benar-benar diketahui umum. Kisah etnik peribumi Sarawak masih kurang diketahui apatah lagi soal hubungan erat

mereka dengan alam sekitar. Ketidakadilan yang berlaku terhadap ekologi merupakan punca terjadinya krisis alam sekitar yang menimbulkan padah dan mengancam kesejahteraan semua hidupan di muka bumi ini, termasuklah manusia. Justeru itu, kehebatan karya Jong Chian Lai terutamanya aspek hubungan manusia dengan alam wajar dikaji kerana pastinya akan membuka minda dan hati ke arah mendukung matlamat melestarikan alam.

Pada ketika ini apabila krisis alam sekitar semakin meruncing, karya sastera dilihat sebagai wadah yang mampu berfungsi dengan berkesan dalam menimbulkan keinsafan manusia untuk menjalin dan mengekalkan hubungan yang baik dengan alam semula jadi. Dalam hal ini, Shahnon Ahmad berpendapat bahawa manusia, alam dan karya sastera terletak dalam satu kesatuan.

Tanpa alam, karya menjadi kering dan tidak bermakna apa-apa kerana kebesaran karya adalah keakraban antara kemanusiaan dengan kealaman. Kehidupan yang bererti adalah kehidupan yang memesrakan diri dengan alam inilah. Alam menghidupkan kehidupan dan kehidupan juga menghidupkan alam ini (Shahnon Ahmad, 1992: 29).

Berdasarkan petikan di atas, Shahnon Ahmad meletakkan alam pada tahap yang tertinggi dalam konteks kehidupan manusia kerana melalui alamlah kehidupan manusia menjadi bermakna. Dalam hal penciptaan karya sastera, Shahnon Ahmad berpandangan bahawa alam memberi ilham kepada pengarang untuk menghasilkan karya, dan karya-karya besar dapat dihasilkan melalui hubungan akrab manusia dengan alam. Karya yang tidak memaparkan hubungan manusia dengan alam justeru itu bolehlah dianggap sebagai karya yang mati.

Aldo Leopold dalam bukunya *A Sand County Almanac* (1949: 204) menyatakan bahawa kita sebagai manusia perlulah sedar akan hakikat kita ialah anggota biasa di muka bumi ini, dan bukannya penakluk. Justeru itu, hubungan

manusia dengan alam sekitar seharusnya dirangka semula dengan cara berhenti menanggap alam sekitar semata-mata sebagai sumber bahan mentah untuk keperluan material manusia.

Alam yang dihuni oleh manusia pada masa ini adalah tidak sama dengan keadaannya pada kurun-kurun yang lalu. Pada zaman moden ini, kerakusan manusia begitu ketara sehingga alam sekitar menjadi mangsa yang tidak berdaya, dinoda dan diperkosa. Kerosakan yang dilakukan oleh manusia terhadap alam akhirnya menimbulkan kebinasaan dan kesengsaraan kepada manusia sendiri.

Pada hari ini, krisis alam sekitar semakin menjadi-jadi, dan hal ini dapat kita lihat dengan nyata di sekeliling kita. Pemanasan global, jerebu tebal, banjir dan taufan yang tidak disangka-sangka, kemerosotan sumber-sumber perikanan, kekurangan air bawah tanah, hakisan tanah, hidupan tasik dan sungai yang mati serta kepupusan spesies flora dan fauna hanya merupakan sebahagian daripada masalah yang melanda alam sekitar. Krisis alam sekitar ini turut menggugat kehidupan kita. Kesengsaraan yang menimpa manusia adalah kerana kecuaian manusia sendiri akibat terlalu ghairah mengejar arus pemodenan dan pada masa yang sama meminggirkan nilai-nilai penghayatan kepada alam sekitar (<http://ikdasar.tripod.com/events/report/ppim.htm>). Krisis alam sekitar pada masa ini secara globalnya telah menyebabkan kehilangan sumber biodiversiti alam dan mengganggu keseimbangan ekosistem bumi.

Dari segi sejarah, krisis alam sekitar telah bermula sejak revolusi perindustrian akibat eksloitasi dan pemusnahan alam semula jadi secara besar-besaran (Nirmal Selvamony et. al., 2007: 229). Revolusi industri berlaku dari abad ke-18 hingga abad ke-19 dengan bermula di United Kingdom, kemudiannya tersebar ke Eropah, Amerika Utara dan akhirnya ke seluruh dunia. Revolusi tersebut

membawa perubahan yang besar dalam sejarah kehidupan manusia sehingga berlaku pertumbuhan pendapatan dan juga populasi manusia.

Walaupun revolusi industri menghasilkan lebih banyak barang untuk kegunaan manusia, namun hal ini menyebabkan semakin banyak pencemaran yang dilepaskan ke udara dan semakin banyak sumber semula jadi yang perlu dieksplorasi dalam proses pengeluaran. Perindustrian mengakibatkan pencemaran air, udara dan tanah. Bahan buangan yang bertoksik telah meningkat dalam jumlah yang sangat besar. Semua masalah ini memberikan ancaman yang ketara kepada alam sekitar dan juga kehidupan manusia.

Persekitaran yang kita diam pada ketika ini lebih banyak mendatangkan ancaman kepada manusia, haiwan dan tumbuhan atas sebab-sebab pemodenan berbanding dengan pencemaran yang berlaku pada era perindustrian dahulu. Ulrich Beck dalam *Risk Society: Towards A New Modernity* (1992: 22) menegaskan bahawa perlakuan manusia pada era moden ini mendatangkan ancaman kepada semua hidupan di muka bumi ini. Krisis alam sekitar bukan sahaja mengancam manusia yang hidup pada ketika ini, malahan generasi yang akan datang. Krisis alam sekitar turut mengancam manusia serta hidupan di tempat yang latar geografinya jauh dari tempat berlakunya malapetaka tersebut.

Pada tarikh 2 Februari 2007, Panel Antara Kerajaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tentang Perubahan Cuaca telah mengemukakan laporannya tentang pemanasan global. Menurut dapatan mereka, dunia tidak mampu lagi untuk tidak mempedulikan bukti yang menunjukkan peningkatan suhu bumi. Untuk pertama kalinya, panel Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu merumuskan bahawa pemanasan global tidak dapat disangsikan lagi dan aktiviti manusia merupakan penyebab yang utama. Dalam masa 50 tahun akan datang, dunia akan menyaksikan kematian

berjuta-juta manusia akibat peningkatan aras air laut, kekurangan air yang melampau yang akan menggugat kehidupan satu perenam daripada populasi dunia, kemarau yang mengancam puluhan juta manusia, dan kemungkinan berlakunya kepupusan 40 peratus daripada spesies hidupan liar, serangga dan tumbuhan (King-Tak Ip, 2009: vii).

Berdasarkan pernyataan-pernyataan di atas yang memperlihatkan isu alam sekitar yang semakin meruncing, maka adalah wajar karya kreatif Jong Chian Lai dikaji untuk membentuk sikap yang lebih mencintai alam sekitar dalam kalangan pembaca. Kajian ini juga dapat memberi pencerahan kepada khalayak pembaca agar mereka dapat lebih memahami karya sastera Jong Chian Lai dan isu alam sekitar di Sarawak yang berkait secara langsung dengan kehidupan masyarakat Iban.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini secara khusus mengkaji paparan alam sekitar menerusi karya fiksyen terpilih Jong Chian Lai. Sehubungan itu, kajian ini menetapkan tiga objektif yang ingin dicapai seperti berikut:

1. menganalisis keadilan ekologi hubungan masyarakat Iban di Sarawak dengan alam sekitar berdasarkan konteks sistem kepercayaan masyarakat Iban seperti yang terpancar dalam karya Jong Chian Lai,
2. melihat konflik antara tuntutan *survival* (kelangsungan hidup) dengan pemeliharaan tradisi Iban, dan
3. meneliti dan menilai cara pengarang menggunakan bahasa untuk menampilkan alam sekitar dan semua perhubungan yang disebut di atas berlandaskan teori keadilan ekologi.

## **1.4 Batasan Kajian**

Karya sastera oleh Jong Chian menjadi fokus kajian ini kerana Jong Chian Lai banyak sekali memaparkan masyarakat Iban dalam karya beliau selain banyak menonjolkan isu yang berhubung dengan alam sekitar. Isu-isu alam sekitar yang dipaparkan dalam karya sastera Jong Chian Lai seperti pembalakan dan pembinaan empangan hidroelektrik di Batang Ai, Sri Aman secara realitinya merupakan isu-isu yang berkaitan dengan masyarakat Iban di Sarawak.

Alam<sup>4</sup> terbahagi kepada dua jenis iaitu alam sekitar yang dicipta oleh Tuhan (alam biotik) dan alam yang telah diubah dan dibentuk oleh manusia (alam abiotik). Bagaimanapun, kajian ini terbatas kepada alam sekitar sahaja, merangkumi alam fauna dan alam flora.

Setakat tahun 2010, Jong Chian Lai telah menghasilkan sebelas buah novel iaitu *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1986), *Pindah* (1988), *Buaya Putih Buaya Kudung* (1992) – novel remaja, *Pemberontakan* (1994), *Puteri Uro dan Orang-orang Kecil* (2000) – novel remaja, *Meredah Ombak Keributan* (2001), *Long Busang* (2005) – novel remaja, *Kota Larangan Qui* (2006), *Suara dari Rimba* (2008), *Ensera Marga Timur dari St. Anthony* (2009), dan *Ok Ok* (2010) – novel kanak-kanak. Empat buah novel iaitu *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga*, *Pindah*, *Buaya Putih Buaya Kudung*, dan *Ensera Marga Timur dari St. Anthony* berfokus kepada etnik Iban dan budayanya. Jong Chian Lai turut menghasilkan empat kumpulan cerpen iaitu *Musim Terakhir* (1988), *Bunga Rimba* (1999), *Menziarahi Dunia Sebayan* (2005), dan *Kepompong* (2009).

---

<sup>4</sup> Kita harus sedar bahawa tiada garis yang jelas antara ekosistem semula jadi dengan yang tidak semula jadi. Menurut Paul W. Taylor (1986: 4), kaedah yang paling sesuai dalam membezakan ekosistem semula jadi dengan yang tidak semula jadi adalah dengan berfikiran bahawa ekosistem semula jadi wujud sebelum manusia ada di Bumi. Menurutnya, ekosistem yang tidak semula jadi pula meliputi ladang, padang golf, taman-taman landskap, taman-taman, dan hutan-hutan perladangan oleh syarikat-syarikat perkayuan yang boleh dinamakan “ekosistem tiruan” kerana semua ini merupakan unsur yang dihasilkan dan digunakan oleh manusia untuk kepentingan manusia.

Analisis terhadap semua novel dan cerpen Jong Chian Lai sehingga tahun 2010 jelas menunjukkan kecenderungan Jong Chian Lai memaparkan masyarakat Iban. Kehebatan Jong Chian Lai menggarap budaya etnik lain, terutamanya Iban, dalam penulisan karyanya turut diakui oleh Jais Sahok (2000: 12) yang menyatakan bahawa:

Kejayaan Jong Chian Lai amat besar dalam persada kesusastraan Melayu nasional. Keunikannya pula ialah kerana kejayaan mengetengahkan karya-karya yang berlatarbelakangkan masyarakat Iban sedangkan beliau keturunan Tionghua. Walaupun berada dalam situasi yang unik itu, Jong Chian Lai berjaya menggambarkan pelbagai perspektif perbezaan kaum dalam konteks budaya orang Iban dalam karya-karya beliau; sekali gus menempatkan dirinya setanding dengan Jantan Umbat dan Janang Ensiring atau Joanes Uno. Apabila kita membaca novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* misalnya, disebabkan kerincian sosiobudaya Iban yang terungkap secara halus dan bersahaja, tidak terasa bahawa kita sedang membaca karya penulis berketurunan Tionghua.

Masyarakat yang menjadi fokus kajian ini ialah etnik peribumi yang terbesar di Sarawak iaitu Iban. Jong Chian Lai walaupun juga ada menulis tentang masyarakat Cina, Melayu, India dan Penan, namun beliau paling banyak menonjolkan masyarakat Iban. Penonjolan masyarakat ini juga sangat banyak dikaitkan dengan tema alam sekitar; bertepatan dengan matlamat kajian ini. Kajian tentang alam dan paparannya dalam fiksyen Jong Chian Lai wajar ditinjau berdasarkan corak kehidupan masyarakat Iban memandangkan etnik ini mempunyai hubungan yang sangat erat dengan alam semula jadi dari segi aktiviti harian, budaya sehinggalah aspek kepercayaan dan agama.

Kajian ini berfokus kepada masyarakat Iban dan bukannya etnik peribumi yang lain di Sarawak, misalnya Penan walaupun karya kreatif Jong Chian Lai juga ada memaparkan masyarakat Penan yang lebih sebatи hidupnya dengan alam sekitar. Faktor pertama pemilihan teks bagi kajian ini ialah Jong Chian Lai paling banyak menonjolkan masyarakat Iban dalam karya beliau. Selain itu, masyarakat Iban

membentuk kumpulan etnik peribumi yang terbesar di Sarawak dan mendiami semua Bahagian di Sarawak. Hal ini berlainan dengan etnik Penan yang merupakan kumpulan minoriti dan bilangannya adalah sangat kecil serta mendiami beberapa tempat sahaja di Sarawak yang lazimnya di kawasan pedalaman. Selaku kelompok masyarakat yang besar, pandangan dan sikap masyarakat Iban terhadap alam sekitar dapat mempengaruhi alam sekitar secara langsung dan tidak langsung.

Berdasarkan analisis terhadap semua kumpulan cerpen Jong Chian Lai, cerpen dalam *Musim Terakhir* yang memenuhi kriteria kajian iaitu karya fiksyen yang memperlihatkan hubungan antara masyarakat Iban dengan alam sekitar ialah “Memburu”, “Pindah”, “Semanjau Tapan”, dan “Bukan Kebebasan”. Dalam *Bunga Rimba*, didapati bahawa hanya cerpen “Menunggu Maut” menepati kriteria. Dua buah cerpen dalam *Kepompong* yang memenuhi kriteria kajian ialah “Hikayat Rentap 1” dan “Kemuncak Manifestasi”. Tiada cerpen dalam *Menziarahi Dunia Sebayan* yang dimasukkan dalam kajian ini kerana cerpen yang berkaitan telah terlebih dahulu dimuatkan dalam kumpulan cerpen *Musim Terakhir* dan *Bunga Rimba*. Jumlah cerpen yang akan dikupas dalam kajian ini ada tujuh buah. Paparan masyarakat Iban dan alam sekitar secara bergandingan turut ditonjolkan dalam novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga, Pindah, Buaya Putih Buaya Kudung, Puteri Uro dan Orang-orang Kecil*, dan *Ok Ok*.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Krisis alam sekitar merupakan isu yang mendapat perhatian serius dalam beberapa dekad belakangan ini. Pelbagai artikel telah ditulis, forum-forum alam sekitar diadakan termasuklah forum antarabangsa serta pelbagai ikhtiar telah difikirkan dan dilaksanakan dalam cubaan untuk menangani permasalahan sejagat ini.

Antara desakan pembangunan dan kelestarian alam, perlu ada satu garis yang lebih jelas. Karya Jong Chian Lai walaupun berlatarbelakangkan negeri Sarawak, namun paparan isu-isu alam sekitar oleh beliau boleh dikatakan bersifat global dan mewakili suara pencinta alam ke arah bumi yang lebih sejahtera untuk didiami. Melalui kajian ini, khususnya melalui paparan dalam fiksyen Jong Chian Lai, keindahan alam dapat dihayati sementara kesedaran dan sikap prihatin terhadap alam sekitar dapat dipupuk. Kesedaran hanya akan timbul dan sikap hanya boleh berubah apabila individu dan masyarakat benar-benar memahami alam sekitar melalui ilmu dan pengalaman sebenar mereka tentang alam sekitar dan perubahan yang telah berlaku hasil daripada aktiviti manusia. Paparan dalam karya sastera juga mampu memberikan pembaca ilmu dan pengalaman tersebut.

Kajian yang mengupas isu alam sekitar ini dapat membantu para pembaca untuk lebih mengenali budaya dan cara hidup masyarakat di Sarawak, khususnya etnik Iban. Melalui kajian ini, masyarakat umum akan dapat lebih memahami corak kehidupan etnik Iban. Pendedahan cara hidup, budaya dan kepercayaan etnik Iban juga dapat memperkaya khazanah budaya dari aspek pendokumentasian yang sebenarnya amatlah penting dalam mewujudkan perpaduan nasional dan pembinaan bangsa Malaysia. Selain itu, kajian ini juga amat penting dalam memberi sumbangan kepada khazanah budaya dunia.

Kajian ini akan memperlihatkan perhubungan manusia dengan alam dari segi sosiobudaya yang menjurus kepada sistem kepercayaan masyarakat Iban terhadap alam sekeliling. Justeru itu melalui kupasan fiksyen Jong Chian Lai, pembaca akan dapat melihat hubung kait antara alam sekitar dengan manusia dari segi cara manusia menguruskan sumber alam dan aspek alam yang membentuk pemikiran, kepercayaan dan agama manusia tersebut. Sekiranya diteliti dengan lebih rinci, dapat dilihat

bahawa sebenarnya cara masyarakat Iban bertindak terhadap alam sekitar banyak dipengaruhi oleh sistem kepercayaan mereka.

### **1.6 Kaedah Kajian**

Kajian ini akan menggunakan tiga kaedah iaitu kaedah kepustakaan, temu bual dan kajian lapangan. Melalui kaedah kepustakaan, teks-teks karya kreatif Jong Chian Lai daripada genre novel dan cerpen akan dikumpul, dibaca dan mana-mana bahan yang sesuai dengan tajuk kajian akan diteliti secara terperinci bagi maksud kajian. Selain itu, penulisan tentang karya Jong Chian Lai serta etnik Iban juga akan dijadikan bahan rujukan. Teks-teks yang berkaitan kritikan eko dan keadilan ekologi juga akan dikumpul, dibaca, dianalisis dan diambil dapatan pentingnya.

Bahan-bahan melalui kaedah kepustakaan akan dikumpul daripada Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia; Perpustakaan Alam dan Tamadun (PATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia; Perpustakaan Peringatan Za'aba, Universiti Malaya; Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak; *Centre of Academic and Information Service* (CAIS), Universiti Malaysia Sarawak; Pustaka Negeri Sarawak serta koleksi latihan ilmiah dan kertas kerja yang tidak diterbitkan. Untuk mendapat maklumat yang lebih jelas tentang etnik Iban dan hal ehwal perhutanan di Sarawak, pengkaji turut akan mengunjungi pusat sumber Wisma Sumber Alam, Muzium Perkayuan Sarawak, pusat sumber Jabatan Hutan Negeri Sarawak dan Majlis Adat Istiadat di Jabatan Ketua Menteri, Kuching, Sarawak. Selain rujukan di perpustakaan, bahan kajian turut diperoleh daripada laman sesawang dan koleksi peribadi Jong Chian Lai.

Melalui kaedah temu bual pula, Jong Chian Lai akan ditemui dan ditanya berkenaan penulisan karya sastera. Pengkaji akan meminta penjelasan daripada

penulis tentang karya yang dihasilkan, khususnya tentang penulisan beliau yang secara langsung berkait dengan alam sekitar dan budaya masyarakat Iban di Sarawak. Pengkaji juga akan bertanyakan pandangan hidup Jong Chian Lai serta sikap beliau terhadap alam sekitar kerana didapati bahawa karya fiksyen beliau banyak menonjolkan kecintaan kepada alam sekitar. Latar belakang hidup yang membawa kepada gaya penulisan Jong Chian Lai yang banyak memaparkan unsur alam sekitar juga akan dibongkar. Temu bual dengan penduduk tempatan, khususnya daripada etnik Iban, juga akan dilakukan untuk mendapat penjelasan secara lebih lanjut tentang budaya dan kepercayaan etnik tersebut.

Pengkaji turut akan melakukan kajian lapangan di rumah-rumah panjang terutamanya di lokasi yang terdapat dalam novel Jong Chian Lai iaitu di Lubok Antu (di Bahagian Sri Aman) dan Nanga Tiga (di Bahagian Betong), Sarawak. Kajian lapangan tersebut akan membolehkan pengkaji lebih memahami corak hidup masyarakat Iban di rumah panjang. Selain tempat-tempat yang disebut di atas, pengkaji turut akan mengunjungi rumah panjang yang lain khususnya ekspedisi masuk ke dalam hutan dan mengkaji serta mengumpul bukti akrabnya hubungan antara masyarakat Iban dengan alam sekitar.

## **1.7 Kerangka Konseptual dan Teoretikal**

Alam sekitar merupakan suatu entiti yang sangat luas dan amat penting untuk kehidupan manusia. Menurut Kathleen R. Wallace dan Karla Armbruster (2001: 4), alam sekitar tidak hanya merujuk kepada persekitaran yang semula jadi atau kawasan belantara. Alam sekitar sebenarnya turut meliputi landskap yang dibina dan ditanam, elemen semula jadi dan aspek-aspek landskap tersebut, serta interaksi budaya dengan elemen-elemen semula jadi. Justeru itu, alam sekitar dapat dibahagi kepada dua,

iaitu alam sekitar sebagaimana yang dicipta oleh Tuhan (alam biotik) dan alam yang dibentuk atau telah diubah oleh manusia (alam abiotik).

Penganut setiap agama percaya bahawa alam semesta ini dan segenap isinya dicipta oleh Tuhan. Menurut ajaran agama Islam, seperti yang tercatat dalam Surah Al-Baqarah, Allah mencipta manusia yang pertama, iaitu Adam, manakala dalam Surah Al-Nahl dijelaskan bahawa Allah mencipta langit, bumi dan lautan dengan menyediakan binatang ternakan, segala tumbuhan serta ikan untuk kegunaan manusia.

Dia menciptakan langit dan bumi dengan kebenaran. Maha Tinggi Allah daripada apa yang mereka sekutukan. Dia telah menciptakan manusia daripada mani, ternyata dia telah menjadi pembantah yang nyata. Dan Dia telah menciptakan binatang ternakan untuk kamu, padanya ada (bulu) yang menghangatkan dan berbagai manfaat, dan sebahagiannya kamu makan. ... Dia menumbuhkan bagi kamu dengan air hujan itu tanam-tanaman, zaitun, kurma, anggur dan segala jenis buah-buahan (Surah Al-Nahl, ayat 3-11).

Berdasarkan petikan daripada Surah Al-Nahl di atas, dengan jelas dinyatakan bahawa Allah menciptakan haiwan dan tumbuhan untuk kegunaan manusia bagi kelangsungan hidupnya. Langit dan bumi yang diciptakan oleh Allah membolehkan manusia di bumi menjalani kehidupan yang bermakna. Langit menurunkan air hujan untuk menumbuhkan pelbagai tanaman di muka bumi untuk kegunaan haiwan dan manusia selain memberi air minuman kepada haiwan dan manusia. Haiwan yang hidup dengan adanya air dan tumbuhan akan membesar dan dijadikan makanan oleh manusia. Begitu juga halnya dengan tanaman yang bertumbuh di muka bumi yang turut menjadi sumber makanan manusia.

Dalam kitab suci agama, dikatakan bahawa alam dengan segala isinya dicipta untuk keperluan dan kegunaan manusia. Malangnya sebagai makhluk tertinggi ciptaan Tuhan, manusia pada masa ini telah melakukan kesilapan dengan

menganggap bahawa alam ini merupakan hak mereka, dan oleh sebab itu mereka bebas untuk meneroka dan mengeksplorasi alam dengan sewenang-wenangnya. Keangkuhan manusia, terutamanya hasil daripada perkembangan intelek dan teknologi, telah mendorong manusia untuk membuat tafsiran sendiri tentang ayat-ayat dalam kitab agama dan seterusnya mengakibatkan manusia memisahkan diri mereka daripada alam demi mengejar kemajuan material.

J. Claude Evans<sup>5</sup> (2005: viii) menyatakan bahawa dalam kebanyakan agama dan tradisi falsafah Barat, alam sekitar dianggap wujud untuk kepentingan manusia. Menurut Evans, kekuasaan manusia ke atas keseluruhan dunia ini dikaitkan dengan asal kejadian manusia seperti yang tercatat dalam *Bible*, khususnya dalam bab *Genesis* yang menyatakan bahawa Tuhan mengeluarkan perintah kepada manusia yang dicipta-Nya supaya menguasai haiwan dan seluruh isi bumi, “*be masters of ... all the wild beasts*” (*Genesis* 1: 26) dan “*fill the earth and conquer it*” (*Genesis* 1:28).

Dalam *Alkitab* terjemahan bahasa Melayu, disebut begini:

... “Sekarang Kita akan mencipta manusia yang akan menjadi seperti Kita dan menyerupai Kita. Mereka akan menguasai semua ikan, burung, serta binatang lain: binatang jinak, dan binatang liar yang besar mahupun yang kecil” (*Kejadian* 1: 26).

Kemudian Dia memberkati mereka dan berfirman, “Hendaklah kamu mempunyai anak cucu yang banyak, supaya keturunan kamu menduduki seluruh muka bumi dan menguasainya. Hendaklah kamu menguasai semua ikan, burung, dan binatang liar” (*Kejadian* 1: 28).

Begitulah firman Tuhan dalam kitab suci ajaran Kristian berkenaan hubungan manusia dengan alam. Namun begitu, manusia telah bertindak kejam terhadap alam sekitar sehingga mengakibatkan berlakunya ketidakadilan ekologi. Hal ini

---

<sup>5</sup> Pandangan Evans yang mengaitkan isu alam sekitar dengan agama Kristian dilihat oleh pengkaji sebagai bertitik tolak daripada esei Lynn White pada akhir tahun 1967 yang bertajuk “*The Historical Roots of Our Ecological Crisis* ”.

dibangkitkan dengan tegas oleh Betsy S. Hilbert dalam eseinya yang bertajuk “Beyond “Thou Shalt Not”: An Ecocritic Reads Deuteronomy” yang menyatakan:

*Religion is blamed for the idea that human beings are separate and above the rest creation, leading to the “go forth and rape” mentality that has regarded nature as either useful but disposable commodity or a hostile antagonist. In the late 1960s, with the environmental movement in the United States gathering new steam, the historian Lynn White Jr.’s essay “The Historical Roots of Our Ecologic Crisis” struck nerves among environmentalists in blaming the ecological crisis on a Judeo-Christian value system that from the Middle Ages has emphasized technological control over nature* (Armbruster dan Wallace, 2001: 30).

Hilbert dalam petikan di atas mencatatkan bahawa agama semacam dipersalahkan kerana idea bahawa manusia terpisah dan mengatasi ciptaan Tuhan yang lain telah mewujudkan mentaliti dalam kalangan manusia yang menganggap alam semula jadi bukan setakat komoditi yang berguna tetapi boleh digunakan dengan sesuka hati. Menurut Hilbert, perkara ini diutarakan dalam esei Lynn White pada akhir tahun 1960-an bertajuk *"The Historical Roots of Our Ecological Crisis"* yang menyalahkan sistem nilai Yahudi-Kristian yang menekankan kawalan teknologi terhadap alam sekitar.

Pada awalnya, manusia mempunyai hubungan yang akrab dan harmoni dengan alam sekitar. Manusia hidup dengan memperoleh makanan dengan cara mengumpul hasil hutan seperti buah-buahan dan memburu binatang yang ada dalam persekitaran mereka. Kemudiannya, manusia mulai melibatkan diri dalam kegiatan pertanian. Namun begitu, eksloitasi manusia terhadap alam bermula dengan revolusi perindustrian yang berlaku pada abad ke-18 hasil daripada perkembangan sains dan teknologi. Revolusi perindustrian menyebabkan lebih banyak bahan mentah daripada alam sekitar dieksloitasi untuk memenuhi keperluan industri. Perkembangan perindustrian menandakan bermulanya krisis alam sekitar apabila

wujudnya banyak sisa buangan industri yang bukan sahaja menggugat alam sekitar malahan kehidupan manusia sendiri.

Dari segi sejarah, memang sudah menjadi perkara biasa untuk manusia menghubungkan masalah alam sekitar dengan agama. Bencana alam seperti banjir, kemarau, gempa bumi dan bencana alam yang lain biasanya difahami sebagai suatu bentuk hukuman oleh Tuhan atas salah laku manusia. Namun begitu, hanya pada dekad belakangan ini masalah alam sekitar dikaitkan dengan agama. Dalam erti kata lain, tingkah laku manusia terhadap alam sekitar dianggap sebagai perkara yang ditentukan oleh kepercayaan agama dan nilai.

Kita dapat mengesan idea ini daripada sejarawan Amerika yang bernama Lynn White dalam eseinya yang berjudul “The Historical Roots of Our Ecological Crisis” yang diterbitkan dalam jurnal *Science* pada tahun 1967. Dalam artikel tersebut White berhujah bahawa asal usul krisis alam sekitar dapat ditemui dalam idea-idea asas agama Kristian. Berdasarkan hujahnya itu, White mengemukakan usul bahawa apa yang dilakukan oleh manusia kepada ekologi mereka bergantung kepada apa yang difikirkan tentang diri mereka berhubung dengan perkara-perkara di sekeliling mereka. Menurutnya lagi, ekologi manusia adalah sangat bergantung kepada kepercayaan tentang alam semula jadi dan takdir; iaitu agama.

White (2004: 413) dalam eseи “The Historical Roots of Our Ecological Crisis” menegaskan ajaran Judeo-Christian<sup>6</sup> (Yahudi-Kristian) sebagai faktor utama berlakunya krisis alam sekitar. Menurutnya, bermula pada akhir abad ke-18, ramai

---

<sup>6</sup> *Judeo-Christian* ialah etika dan kepercayaan yang sama antara agama Yahudi dan Kristian. Istilah ini umum digunakan dalam retorik budaya dan politik Amerika. Konsep *Judeo-Christian* tidak bermaksud bahawa kedua-dua agama Yahudi dan Kristian adalah sama, sebaliknya konsep ini menjelaskan bahawa adanya silangan nilai antara kedua-dua agama berdasarkan kitab injil Ibrani, ‘Torah’ yang dibawa ke Amerika dan seterusnya membentuk budaya Amerika. Hanya Amerika, satu-satunya negara di dunia ini yang menggelar dirinya sebagai *Judeo-Christian*. Orang Amerika hidup dengan berdasarkan nilai-nilai *Judeo-Christian*. Nilai-nilai ini dipanggil *Judeo-Christian* kerana berdasar kepada ajaran Kristus dan nabi-nabi Yahudi. Nilai-nilai *Judeo-Christian* membezakan Amerika daripada semua negara Kristian yang lain.

saintis menolak hipotesis tentang kewujudan Tuhan. Ajaran Yahudi-Kristian dikatakan telah mewujudkan nilai yang memisahkan budaya dan alam sekitar. Penekanan diberi kepada ciptaan pelbagai teknologi selaras dengan revolusi perindustrian yang akhirnya ternyata menguasai dan mendatangkan kemasuhan kepada alam.

Memang benar bahawa dalam kitab agama Kristian, Tuhan telah memberi kuasa kepada manusia (bermula dengan manusia yang pertama iaitu Adam) untuk menakluki bumi dan seisinya. Namun begitu, Tuhan tidak memaksudkan bahawa manusia bebas untuk memperlakukan alam sekitar dengan sewenang-wenangnya dan kejam. Konsep sebenar perlakuan manusia terhadap alam sekitar adalah sebagai pengurus (*steward*) dan bukannya penakluk (*conqueror*). Hal ini disimpulkan oleh Fred Van Dyke et.al (1996: 100) dengan menyatakan bahawa “*to rule creation means to serve creation*” yang menekankan bahawa manusia mempunyai tanggungjawab untuk memelihara alam sekitar ciptaan Tuhan terutamanya benda hidup seperti haiwan dan tumbuhan. Istilah yang digunakan bagi menjelaskan konsep ini ialah *environmental stewardship*.

Setiap agama ada memberi penekanan kepada aspek penjagaan alam sekitar. Melalui kajian yang telah dijalankan ke atas ajaran empat agama utama di Malaysia iaitu Islam, Kristian, Buddha dan Hindu, Muhammad Azizan Sabjan dan Noor Shakirah Mat Akhir (2010: 101) merumuskan bahawa keempat-empat agama tersebut menyokong perlindungan terhadap alam sekitar. Kesimpulan sedemikian diperoleh setelah meneliti petikan-petikan ayat dalam kitab suci setiap agama tersebut yang memperkatakan hal hubungan manusia dengan alam sekitar.

White dalam eseinya “The Historical Roots of Our Ecological Crisis”, seolah-olah mempertanggungjawabkan agama Kristian atas krisis ekologi yang berlaku pada

masa ini. Namun begitu, perkara ini disangkal kuat oleh para penulis Kristian yang meneliti petikan ayat dalam *Bible* dan seterusnya membentangkan hujah konkrit untuk membidas dan merobohkan salah faham segelintir penulis dan khalayak pembaca yang terpengaruh oleh esei White. James W. Sire (dalam Fred Van Dyke et.al, 1996: 8-9) menegaskan bahawa kesilapan tidak berlaku pada petikan *Bible*, sebaliknya pandangan orang Kristian terhadap alam sekitar itulah yang tersilap. Mereka dikatakan gagal memahami ajaran sebenar dalam *Bible* yang berkaitan dengan alam sekitar dan tanggungjawab manusia terhadapnya. Baginya, kegagalan sedemikian tidak dapat dimaafkan. Tindakan pertama yang perlu dibuat ialah bertaubat, dan seterusnya membetulkan kesilapan itu dengan bertindak sewajarnya.

Allen Verhey juga menyangkal dakwaan White yang menyalahkan ayat dalam *Bible*. Verhey (2010: 56) menyatakan masalah tidak terletak pada ayat tersebut sebaliknya berlaku akibat keangkuhan tafsiran oleh orang pada permulaan zaman moden yang menggunakan petikan dalam kitab agama untuk membenarkan tindakan dan projek mereka dalam menguasai alam sekitar. Mohd Zuhdi Marsuki dan Amer Saifude Ghazali (2002: 113) menyatakan bahawa petikan dalam *Bible* yang dipersalahkan oleh White dalam hal krisis alam sekitar sebenarnya mendukung konsep *stewardship*. Menurut mereka, manusia ialah wakil Tuhan yang bertanggungjawab untuk menguruskan seluruh ciptaan Tuhan di atas muka bumi dan tanggungjawab ini secara langsung menghalang manusia daripada membuat sebarang kerosakan.

Seyyed Hossein Nasr (1976: 19) menggunakan konsep yang hampir sama dengan *stewardship*, iaitu *custodian* dan *guardian* untuk menunjukkan hubungan antara manusia dan alam sekitar. Menurutnya, *man's role as the custodian and*

*guardian of nature*, iaitu manusia berperanan sebagai waris dan penjaga alam sekitar terutamanya jika dilihat dari sudut pandangan agama.

Masa hadapan ekologi bergantung kepada pemikiran kita tentang hubungan manusia dan alam sekitar. Justeru itu, White menyarankan agar manusia mengubah sikap terhadap alam untuk menangani krisis alam sekitar.

*...since the roots of our trouble are so largely religious, the remedy must also be essentially religious, whether we call it that or not. We must rethink and refeel our nature and destiny* (White, 2004: 416).

Dalam petikan di atas, White menggesa manusia untuk kembali kepada ajaran agama. Memandangkan krisis alam sekitar yang menurut White berpunca daripada pemisahan manusia daripada alam semula jadi (akibat perkembangan sains dan teknologi) dan juga kerana adanya tafsiran salah yang disengajakan terhadap ayat-ayat dalam kitab agama Kristian, maka jalan penyelesaian bagi kemelut ini adalah dengan kembali kepada agama; iaitu dalam konteks menghayati alam sekitar semula.

Sejajar dengan krisis alam sekitar yang semakin memuncak, timbul suatu bentuk kritikan baharu dalam kesusasteraan yang dinamakan kritikan eko. Matlamat utama kritikan eko adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat umum tentang isu alam sekitar agar krisis ini dapat ditangani. Kritikan eko mengkaji unsur-unsur alam yang dipaparkan dalam karya-karya sastera dan mengkaji hubungan antara karya sastera dengan persekitaran. Krisis alam sekitar yang berlaku secara global merupakan faktor utama perkembangan kritikan eko. Kritikan eko boleh dianggap sebagai suatu cubaan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan krisis alam sekitar. Kritikan eko berfungsi dengan cara menyelidik paparan alam dalam karya sastera untuk menentukan sama ada paparan tersebut menunjukkan keprihatinan terhadap ekologi dan boleh membantu dalam mencari jalan penyelesaian bagi menangani krisis alam yang semakin meruncing.

### **1.7.1 Kritikan Eko**

Kritikan eko secara rasminya bermula dengan penerbitan dua buah karya pada pertengahan 1990-an, iaitu *The Ecocriticism Reader* yang disunting oleh Cheryll Glotfelty dan Harold Fromm, serta *The Environmental Imagination* yang ditulis oleh Lawrence Buell. Di Amerika Syarikat, kritikan eko selalu dikaitkan dengan peranan *Association for the Study of Literature and Environment* (ASLE) yang mengendalikan seminar berkaitan kajian alam sekitar dalam karya sastera. ASLE juga mempunyai sebuah jurnal rasmi, dinamakan *Interdisciplinary Studies in Literature and Environment* (ISLE) yang mengandung penulisan-penulisan kritikan eko yang terkini.

Kritikan eko ialah suatu bentuk kritikan sastera berdasarkan perspektif alam sekitar. Kritikan eko menyelidik hubungan antara manusia dengan alam sekitar melalui karya sastera. Kathleen R. Wallace dan Karla Armbruster (2001: 12) dalam eseи yang bertajuk “Introduction: Why Go Beyond Nature Writing, and Where To?”, menyatakan bahawa setiap karya sastera dan budaya memberi implikasi kepada perhubungan manusia dan alam sekitar. Sesebuah karya sastera mampu menggerakkan hati nurani pembaca untuk bertindak berdasarkan saranan yang dikemukakan dalam karya. Memandangkan krisis alam sekitar berpunca daripada sikap manusia, jadi semestinya manusia terutama khalayak pembaca didedahkan kepada isu alam sekitar untuk beroleh kesedaran. Seperti makanan yang membekalkan zat untuk kesihatan seluruh tubuh badan, karya sastera ibarat makanan minda yang juga perlu diteliti jenisnya dalam menentukan pilihan, yang kemudiannya dikupas, dikunyah dan dinikmati rasanya sebelum dapat dicerna untuk membangkitkan pemikiran baharu dan kesedaran dalam diri seseorang pembaca.

Cheryll Glotfelty dan Harold Fromm (1996: xviii) dalam buku *The Ecocriticism Reader* memberikan definisi bagi kritikan eko sebagai “kajian hubungan antara kesusasteraan dengan persekitaran fizikal”. Menurut Glotfelty dan Fromm, kritikan eko melihat manusia sebagai bahagian alam sekitar yang paling asas untuk menyampaikan budaya manusia dalam pelbagai interaksi dengan alam sekitar. Kritikan eko bukannya berfokus semata-mata kepada karya yang memaparkan pemerhatian dan pengalaman manusia berhadapan dengan alam sekitar atau latar pedalaman. Oleh hal yang demikian, kritikan eko sebenarnya dilaksanakan dengan cara pengkritik meneliti aspek-aspek alam sekitar yang ditonjolkan dalam karya sastera. Paparan alam sekitar tersebut dikaitkan dengan krisis alam sekitar yang sedang berlaku untuk menonjolkan nilai-nilai cinta akan alam sekitar yang sepatutnya ada dalam diri manusia.

Joe Moran pula berpandangan bahawa kritikan eko membongkar hubungan antara karya sastera dengan bentuk budaya yang lain dan alam sekitar; selalunya dengan menggabungkan komitmen ke arah meningkatkan kesedaran tentang isu-isu alam sekitar (Moran, 2002: 171). Oleh hal yang demikian, karya sastera yang baik seharusnya memaparkan isu-isu alam sekitar secara tepat sehingga boleh dijadikan rujukan yang berguna untuk memahami alam sekitar. Karya yang baik seharusnya juga mampu menggerakkan sensitiviti pembaca terhadap isu-isu yang berkait dengan alam sekitar dan seterusnya memupuk sikap dan usaha mengekalkannya.

Peter Barry (2009: 240) menyatakan bahawa William Rueckert berkemungkinan besar merupakan orang pertama yang menggunakan istilah ‘kritikan eko’. Menurutnya, pada tahun 1978, Rueckert telah menerbitkan sebuah esei yang bertajuk “Literature and Ecology: An Experiment in Ecocriticism”. Tajuk esei itu nyata menunjukkan perkataan kritikan eko digunakan buat kali yang pertama.

Glotfelty dalam eseinya yang bertajuk “The Strong Green Thread” menjelaskan pengkritik eko sebagai orang yang bersetuju bahawa manusia telah dan sedang memperlakukan alam sekitar dengan teruk. Justeru itu, fungsi pengkritik eko adalah untuk menjelaskan cara karya sastera mampu membawa kepada perlakuan yang sihat dan peranan kritikan sastera dalam proses tersebut (Selvamony, 2007: 4).

Buku *Man and Nature* hasil tulisan George Perkin Marsh yang diterbitkan pada tahun 1864 dilihat sebagai buku pertama yang mendokumentasikan kerosakan serius yang dilakukan oleh manusia terhadap persekitaran semula jadi, dan secara tegasnya mempengaruhi beberapa orang tokoh pencinta alam sekitar yang awal (David Mazel, 2001: 8). Salah seorang pengkritik eko yang terawal ialah D.H. Lawrence. Dalam bukunya yang berjudul *Studies in Classic American Literature* (1923), Lawrence menganggap bahawa perkara-perkara yang terungkap dalam karya sastera perlu diberi tafsiran untuk menonjolkan maksudnya yang sebenar (Mazel, 2001: 11).

Mary Hunter Austin dalam eseinya “Regionalism in American Fiction” mengkaji cara alam sekitar fizikal membentuk kesedaran manusia tentang alam sekitar dan juga kesusasteraan. Menurut beliau, latar geografi mempunyai lebih banyak pengaruh budaya yang lebih mendalam berbanding dengan perkongsian bahasa atau gabungan politikal umum. Beliau berpandangan bahawa penulis yang terbaik ialah penulis yang dapat memaparkan keaslian persekitaran semula jadi mereka (Mazel, 2001: 11).

Terdapat pelbagai pendekatan dan subjek yang menjadi fokus dalam kritikan eko yang berkisar kepada kesusasteraan dan alam sekitar. Glen A. Love mengatakan bahawa kritikan eko juga tergolong dalam ruang besar sastera alam sekitar sama seperti penulisan tentang alam semula jadi, ekologi dalam, ekologi bandar-bandar,

ekofeminisme, sastera ketoksikan, keadilan alam sekitar, bioregionalisme, kehidupan haiwan, dan teori eko. Hal ini jelas diperkatakan oleh beliau dalam petikan yang berikut:

*... a multiplicity of approaches and subjects, including – under the big tent of environmental literature – nature writing, deep ecology, the ecology of cities, ecofeminism, the literature of toxicity, environmental justice, bioregionalism, the lives of animals, the revaluation of place, interdisciplinary, eco-theory ... (Love, 2003: 5).*

Pengkaji memilih keadilan ekologi sebagai teori dalam penulisan kajian ini kerana keadilan ekologi memberi fokus kepada hubungan antara manusia dengan unsur-unsur alam semula jadi dan menegaskan bahawa manusia juga ada tanggungjawab moral terhadap organisma bukan manusia dengan cara memelihara entiti alam tersebut. Teori keadilan ekologi merupakan satu cabang dalam kritikan eko kerana teori ini sebenarnya merupakan sebahagian daripada keadilan alam sekitar (*environmental justice*).

### **1.7.2 Kritikan Keadilan Ekologi**

Keadilan ekologi merupakan satu cabang dalam kritikan eko. Istilah “keadilan ekologi” pertama kali digunakan oleh Nicholas Low dan Brendan Gleeson pada tahun 1998 dalam buku yang berjudul *Justice, Society and Nature: An Exploration of Political Ecology*. Menurut Low dan Gleeson (1998: 2), usaha memperjuangkan keadilan bagi alam boleh dibahagikan kepada keadilan alam sekitar dan keadilan ekologi. Keadilan alam sekitar ialah keadilan pengagihan alam sekitar dalam kalangan manusia, iaitu pengagihan faedah alam serta risikonya kepada semua manusia tanpa mengira status, tempat dan sebagainya. Keadilan ekologi pula meneliti perhubungan manusia dengan alam semula jadi (haiwan, tumbuhan dan semua unsur semula jadi yang ada di bumi ini), iaitu bahawa semua unsur alam yang